



**MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND  
ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY**

## **UCAPAN UTAMA**

**YBHG. DATUK WIRA ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN**

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
(NRES)**

**MAJLIS PERASMIAN LAPORAN  
NATIONAL YOUTH CLIMATE CHANGE (NYCC)  
“NURTURE THE YOUTH, CREATE THE CHANGE”  
2026**

**28 JULY 2026 (SELASA)  
10.00 PAGI**

**THE GODOWN ARTS CENTRE, KUALA LUMPUR**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Yang Berusaha Encik Robert Gass,**

**Wakil UNICEF Malaysia merangkap Wakil Khas Negara Brunei Darussalam;**

**Wakil-wakil daripada United Nations Children's Fund (UNICEF), Belia, pertubuhan masyarakat sivil, rakan-rakan media,**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam NRES Lestari;

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini bersempena **Majlis Pelancaran Laporan National Youth Climate Change (NYCC): *Nurture the Youth, Create the Change***.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **UNICEF Malaysia** serta semua rakan-rakan strategik yang telah berganding bahu dalam penyediaan laporan ini. Komitmen, dedikasi dan kerjasama erat semua pihak telah memungkinkan penerbitan laporan yang amat bermakna ini sebagai sumbangan penting kepada agenda tindakan iklim negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

## **PENGENALAN**

1. Perubahan iklim bukan lagi suatu isu alam sekitar yang bersifat jangka panjang atau hanya menjadi kebimbangan generasi akan datang. Sebaliknya, ia merupakan realiti semasa yang semakin memberi kesan ketara terhadap ekonomi negara, ekosistem, kesihatan awam serta kesejahteraan rakyat Malaysia. Di seluruh negara, kita berdepan dengan kejadian banjir yang semakin kerap dan ekstrem, gelombang haba berpanjangan, hakisan pantai serta perubahan corak cuaca yang tidak menentu, yang secara langsung menguji keupayaan komuniti dalam menghadapi cabaran iklim.

## **KOMITMEN MALAYSIA DALAM USAHA MENGURANGKAN PELEPASAN GAS RUMAH KACA**

2. Pada peringkat nasional, Malaysia kekal komited dalam mempertingkatkan pembangunan rendah karbon dan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan mampan negara. Dalam meneruskan aspirasi ini, NRES terus memperkukuh pelaksanaan dasar dan inisiatif yang melindungi alam sekitar, menyokong pertumbuhan ekonomi mampan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Berteraskan prinsip Malaysia MADANI, khususnya Kemampanan, Kesejahteraan, Inovasi dan Ihsan, Kementerian terus memacu tindakan iklim, memelihara khazanah semula jadi negara serta memperkasa seluruh lapisan masyarakat termasuk belia untuk bersama-

sama membina Malaysia yang lebih berdaya tahan, rendah karbon dan inklusif.

3. Selaras dengan Nationally Determined Contribution (NDC) 3.0 Malaysia yang telah dikemukakan kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) pada 24 Oktober 2025, Malaysia telah menetapkan hala tuju yang lebih jelas ke arah merealisasikan aspirasi iklim jangka panjang negara. Ini termasuk komitmen untuk memastikan pelepasan gas rumah kaca mencapai kemuncak antara tahun 2029 hingga 2034, diikuti pengurangan mutlak pelepasan sebanyak antara 15 hingga 30 juta tan karbon dioksida setara (tCO<sub>2</sub>e) menjelang tahun 2035, sebelum mencapai aspirasi pelepasan bersih sifar menjelang tahun 2050. Sasaran ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan pembangunan negara terus mampan, berdaya tahan dan inklusif melalui pendekatan transformatif yang melibatkan semua sektor serta sokongan pelbagai pihak, khususnya generasi muda sebagai pewaris dan pemacu agenda iklim negara.

### ***LAPORAN NURTURE THE YOUTH, CREATE THE CHANGE***

4. Penerbitan laporan ini amat bertepatan dengan usaha Malaysia membangunkan Pelan Adaptasi Kebangsaan pertama atau MyNAP bagi tempoh 2026 hingga 2035 sebagai kerangka strategik negara dalam memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim. Dapatan laporan ini selaras dengan bidang keutamaan MyNAP dan menyediakan pandangan bernilai dalam memastikan dasar adaptasi negara dilaksanakan secara inklusif serta mengambil kira keperluan kanak-kanak dan golongan muda.

NRES berpandangan bahawa belia bukan sekadar penerima manfaat dasar iklim, malah merupakan rakan strategik dalam membentuk penyelesaian yang lebih berkesan.

5. Sehubungan itu, NRES akan terus memperkukuh penyertaan bermakna belia dalam pembangunan dasar dan inisiatif iklim, termasuk melalui MyNAP, di samping membuka peluang kepada mereka untuk membangunkan kemahiran hijau, menyertai ekonomi hijau dan menyumbang kepada peralihan negara ke arah ekonomi rendah karbon. Kerjasama bersama UNICEF Malaysia dan rakan strategik lain telah membolehkan pandangan generasi muda diintegrasikan dalam pembangunan NDC 3.0 Malaysia, MyNAP serta platform serantau seperti *ASEAN Children and Youth Climate Summit*, sekali gus memperkukuh dasar iklim yang lebih inklusif dan responsif.

## **PENDEKATAN KESELURUHAN MASYARAKAT (WHOLE-OF-SOCIETY APPROACH) DALAM TINDAKAN IKLIM**

6. Menangani perubahan iklim memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Kerajaan sahaja tidak mampu merealisasikan peralihan ke arah masa depan yang mampan tanpa sokongan dan penglibatan aktif semua pihak. Dalam konteks ini, golongan muda memainkan peranan penting melalui kreativiti, inovasi dan semangat mereka untuk mempercepatkan tindakan iklim. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menyediakan ruang, peluang dan platform yang membolehkan mereka menyumbang secara bermakna serta

menterjemahkan aspirasi kepada tindakan nyata demi masa depan negara yang lebih lestari.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

## **KESIMPULAN**

7. Sebagai sebuah negara yang komited dalam memperkukuh agenda iklim, Malaysia mengiktiraf bahawa kejayaan menangani perubahan iklim bergantung kepada kesepaduan usaha antara Kerajaan, sektor swasta, institusi akademik, masyarakat sivil dan komuniti. Setiap pihak mempunyai peranan penting dalam memastikan peralihan ke arah pembangunan yang lebih mampan, berdaya tahan dan inklusif dapat direalisasikan.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menggalakkan UNICEF Malaysia menjalin kerjasama strategik bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam memperkukuh penglibatan belia terhadap agenda perubahan iklim, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan mental. Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, FRIM menawarkan persekitaran pembelajaran berasaskan alam semula jadi yang unik melalui aktiviti seperti *Canopy Walk*, denai hutan berpandu dan kawasan air terjun semula jadi. Pengalaman ini dapat memberi peluang kepada golongan muda untuk memahami kepentingan pemuliharaan biodiversiti, pengurusan hutan secara mampan serta peranan alam semula jadi dalam menyokong kesejahteraan fizikal dan mental. Saya yakin inisiatif sedemikian akan melengkapkan aspirasi *Nurture the Youth, Create the Change Report* dengan menyediakan ruang pembelajaran holistik, menterjemahkan

pengetahuan kepada tindakan bermakna serta memperkasa generasi muda sebagai peneraju kelestarian alam sekitar pada masa hadapan.

9. Saya mendoakan agar sesi perbincangan ini berjalan dengan lancar dan semoga program ini mencapai objektif serta kejayaan yang diharapkan.

**Wabillahi taufik wal hidayah.**

**Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh**

**Sekian, terima kasih.**